

19 SEP 2003

Mahathir-Rapat Umum

HANYA POLIS TENTUKAN RAPAT UMUM, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata rapat umum dalam kempen parti politik hanya boleh diadakan dengan kelulusan daripada polis kerana ini melibatkan soal keselamatan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata "pihak lain boleh memberi pendapat tetapi akhirnya hanya polis yang menentukan."

Bagaimanapun pada pandangan beliau penyokong parti politik terutama daripada parti pembangkang masih belum matang untuk berhimpun dalam rapat umum tanpa menimbulkan sebarang kekacauan, katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Ibu Pejabat Umno di sini, hari ini.

Ini terbukti semasa pilihan raya kecil Lunas apabila penyokong parti pembangkang bertindak ganas termasuk memukul, memasuki balai polis, menahan bas dan merampas kad pengenalan orang ramai, katanya.

Dr Mahathir berkata demikian merujuk kepada pengumuman Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bahawa rapat umum akan dibenarkan semula pada pilihan raya umum.

Rabu lepas Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman mengumumkan bahawa rapat umum dibenarkan semula pada pilihan raya umum akan datang mengikut kod etika pilihan raya.

Menjawab soalan pemberita sama ada Umno bersetuju dengan cadangan SPR untuk mengadakan semula rapat umum, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata: "Kita dari parti kerajaan bergerak ikut nasihat agensi-agensi kerajaan kerana perkara ini melibatkan keselamatan."

"Kalau semua kata tidak ada masalah, kita boleh setuju. Ini hak rakyat dalam pilihan raya," katanya.

Perdana Menteri mengingatkan rakyat bahawa mereka perlu sedar negara ini mudah diancam, dan masih terdapat penyokong parti politik, terutama daripada parti pembangkang yang belum matang dalam cara demokrasi.

"Saya berpendapat mereka belum lagi matang dengan cara demokrasi (berdasarkan kepada pengalaman pilihan raya lepas)," katanya.

Dr Mahathir berkata ini adalah kerana apabila penyokong parti pembangkang melihat mereka ramai dan kuat, mereka telah bertindak ganas.

Menyentuh mengenai rapat umum mencerminkan wujudnya demokrasi dalam pilihan raya, Dr Mahathir berkata demokrasi mempunyai pelbagai interpretasi, dan di negara ini, demokrasi adalah hak rakyat memilih wakilnya mengikut jumlah undi.

Beliau berkata di Malaysia, rakyat bebas untuk memilih parti yang mereka suka, dan parti lawan yang menang boleh menubuhkan Kerajaan Negeri seperti di Kelantan dan Terengganu, dan sebelum itu di Pulau Pinang dan Sabah.

"Ini merupakan the basis of democracy (asas demokrasi)," katanya.

" Itu cara demokrasi. Bukan cara pukul orang, maki orang, lempar fitnah dan tahan bas tak bagi pengundi masuk mengundi," katanya.

"Itu cara hooligans atau gedebe (samseng) dalam bahasa Kelantan," katanya.

-- BERNAMA

HK MUN AHH PR